

MORAL PENAPISAN KENDIRI FILEM DOKUMENTARI SEJARAH

Mohd. Nor Shahizan Ali, Mohd. Azul Mohammad Salleh, Mat Pauzi Abd Rahman, Mus Chairil Samani & Zairul Anuar Md. Dawam

Abstrak

Khalayak secara keseluruhannya mempunyai kemampuan yang berbeza dalam memberi interpretasi ke atas teks media. Oleh itu, setiap penerbitan teks media perlu memenuhi etika penyampaian yang sebenar supaya tidak menimbulkan kekeliruan dalam interpretasi mesej. Penulisan ini bertujuan mengenal pasti penapisan sendiri dalam teknik penyampaian mesej melalui enam sekuen sebuah filem dokumentari sejarah *The Kinta Story* (1949) terbitan Filem Negara Malaysia. Persembahan naratif filem dokumentari sejarah ini mendokong etika sebuah penyampaian makna perlambangan kepada perjuangan menentang penganas komunis. Persoalannya, adakah etika penyampaian mesej filem dokumentari ini mengikut prinsip sebenar sebuah penyampaian filem dokumentari sejarah? Pendekatan 'Aristotle's Golden Mean' berdasarkan Conrad C. Fink dan analisis teknik naratif berdasarkan pendekatan oleh Richard M. Blumenberg, David Bordwell & Kristin Thompson dan Herbert Zettl digunakan dalam menilai interpretasi mesej berdasarkan pandangan informan dalam perbincangan kumpulan fokus. Rentetan daripada faktor sosial, kekangan teknologi dan pengaruh budaya luar yang mempengaruhi penapisan sendiri, maka filem dokumentari sejarah *The Kinta Story* (1949) telah berjaya menimbulkan interpretasi yang sama daripada masyarakat pada ketika itu tentang kehebatan pihak British dan kekejaman komunis. Hasilnya teknik naratif dan etika penyampaian yang digunakan dalam filem dokumentari ini telah berjaya membawa mesej serta mencapai sasaran sebagai sebuah filem dokumentari propaganda untuk mendapat sokongan masyarakat pada ketika itu dalam menghapuskan ancaman komunis.

Kata kunci: Etika penerbitan, Analisis naratif, Dokumentari sejarah, Penapisan sendiri, moral, Kepenontonan

Abstract

The public as a whole have different abilities in interpretation on the media text. Thus, each media text should meet the actual delivery of ethics so as not to cause confusion in the interpretation of the message. This article seeks to identify self-censorship in the message delivery technique through a sequence of six historical documentary films 'The Kinta Story (1949)' produced by Filem Negara Malaysia. This historical documentary film narrative ethics support a symbolic meaning of service to the fight against the communists. The question is, is it ethical to deliver the message of this documentary film on the real principles of a documentary film presentation of history? 'Aristotle's Golden Mean' approach on Conrad C. Fink and analysis technique based on a narrative by Richard M. Blumenberg, David Bordwell & Kristin Thompson and Herbert Zettl used in assessing the informant's interpretation of the message based on the views of the focus group discussions. A string of social, technological constraints and the influence of foreign cultures that influence self-censorship, then the history of the documentary film *The Kinta Story* (1949) has been successful in creating a similar interpretation of the society at that time about the greatness of the British and communist atrocities. As a result of narrative techniques and ethical delivery

used, this documentary film has managed to bring the message and the target as a documentary propaganda film to gain support from the community at that point in removing the communist threat.

Keywords: Ethics, Narrative analysis, Historical documentary, Self-censorship, Moral, Audiences

1.0 PENDAHULUAN

Sealiran dengan perkembangan teknologi kini, perkembangan dokumentari sebagai médium penyampaian maklumat mendapat tempat dalam kalangan penerbit (Mohd Nor Shahizan et. al 2013). Namun, setiap penerbitan bahan dokumentari tersebut mempunyai kepelbagaian makna berdasarkan interpretasi dan konstruksi makna daripada khalayak (Machin 2004). Situasi sebegini memerlukan khalayak untuk menggunakan kemahiran penapisan sendiri dalam membuat interpretasi awal terhadap sesuatu makna (Potter 2011). Walau bagaimanapun, Aristotle telah memperkenalkan pendekatan ‘Aristotle’s Golden Mean’ yang dapat menyediakan penapisan sendiri kepada khalayak dalam membuat interpretasi dan konstruksi makna kepada khalayak. Penerbit filem dokumentari kebiasaannya mempunyai makna tersendiri dalam setiap penghasilan karya mereka, namun pentafsiran khalayak adakalanya tidak sealiran dengan kehendak penerbit. Oleh itu, pendekatan yang diutarakan oleh Aristotle ini boleh dijadikan sebagai landasan kepada khalayak untuk membina interpretasi dan konstruksi makna agar sealiran dengan kehendak penerbit. Kepentingan penapisan sendiri agar khalayak tidak tersalah menginterpretasikan sesuatu makna dalam sesebuah filem dokumentari sejarah (potter 2011).

1.1 ‘Aristotle’s Golden Mean’

Pendekatan ‘Aristotle’s Golden Mean’ menekankan bahawa kebaikan moral adalah tidak keterlaluan dalam membuat sesuatu; iaitu menurut dalam setiap perkara dengan kesederhanaan dan kesabaran. Tetapi wartawan/penerbit tidak boleh kelihatan lemah dan tidak berprinsip, tetapi haruslah berkompromi dengan hanya mengambil kedudukan yang sederhana dan tidak keterlaluan dalam menghasilkan berita ataupun penerbitan. Aristotle menekankan bahawa tiada jalan tengah wujud apabila berhadapan dengan kejahatan, seperti pembunuhan. Aristotle menasihatkan wartawan / penerbit untuk mendapatkan Golden Mean, contohnya, dalam penerbitan atau penyiaran cerita penyiasatan perlulah mengurangkan kemudaratan kepada penonton. Aristotle juga menekankan tentang kepentingan pertimbangan sendiri; untuk mengawal tahap yang melampau dalam diri sendiri, kemudian bersandar kepada pelbagai cara lain dalam laporan untuk memastikan sesuatu cerita dapat mewakili semua pandangan; tidak kurang juga seorang individu adalah bertanggungjawab untuk mengambil tindakan yang paling baik melalui pilihan yang bebas. Sementara, dalam menjalankan tugas, ‘*the end does not always justify the means*’ dan melakukan apa yang betul dari sudut moral yang boleh diukur dengan harga yang dibayar pengorbanan yang dibuat serta membawa kebahagiaan dan jangan berputus asa (Conrad 1995).

Penulisan ini bertujuan untuk mengenalpasti etika dalam teknik penyampaian mesej melalui enam sekuen sebuah filem dokumentari sejarah *The Kinta Story* (1949) terbitan Filem Negara Malaysia berdasarkan interpretasi remaja alaf ini. Teknik naratif penerbitan dokumentari ini menumpukan kepada tiga fasa mudah iaitu permulaan, pertengahan dan pengakhiran secara tradisinya merupakan proses naratif atau penceritaan (Blumenberg 1975;

Bordwell & Thompson 1997; Zettl 2005). Menurut Mohd. Nor Shahizan et. al (2013), Mus Chairil (2006) dan Potter (2011), proses memahami makna sesuatu mesej yang cuba disampaikan oleh media adalah proses yang kompleks dan rumit dan kebiasaannya memerlukan usaha khalayak itu sendiri untuk cuba memahami mesej yang disampaikan. Pemahaman sesuatu mesej yang disampaikan oleh sesebuah medium kepada khalayak adalah penting kerana kandungan media, termasuklah filem dokumentari sejarah khususnya berkemampuan meninggalkan kesan yang pelbagai kepada khalayak sama ada dari sudut positif atau negatif.

McQuail (2005) pula telah memperkenalkan pendekatan analisis yang memberi tumpuan terhadap bagaimana khalayak membuat andaian dan penyesuaian terhadap bentuk kandungan dalam media. Oleh kerana mesej media terbuka dan mempunyai pelbagai makna, maka ia dikonstruksi mengikut konteks dan budaya penerima. Mesej asal media akan melalui interpretasi dan konstruksi yang mempunyai makna denotatif dan konotatif. Machin (2004: 327) menyatakan bahawa visual yang digunakan dalam sesuatu karya mempunyai potensi makna yang luas. Menurut beliau, visual mempunyai nilai makna yang sangat tinggi apabila ia berjaya membentuk potensi makna konotatif.

Berdasarkan kepada tanggapan ini, penggunaan visual di dalam sesebuah karya bertujuan untuk mewujudkan indeks dalam membawa makna yang sempurna terhadap karya tersebut (Mohd. Nor Shahizan et. al 2013). Pendekatan yang dinyatakan oleh 'Aristotle's Golden Mean' perlu digunakan sebagai asas dalam penapisan sendiri dalam membina makna. Pendekatan 'Aristotle's Golden Mean' ini boleh dijadikan asas kepada interpretasi dan konstruksi makna khalayak. Keadaan ini mengambil kira pendekatan tentang makna yang perlu difahami ini memerlukan proses literasi daripada khalayak (Grodal 1994; Newcomb 1991; Normah Mustaffa et al. 2009; Potter 2011).

2.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui teknik analisis naratif dengan memfokuskan kepada unit-unit analisis seperti latar filem, plot dan cerita filem, grafik di dalam filem, *setting* dalam filem serta busana dan solekan yang membawa kepada pembinaan makna terhadap penonton (Fludernik 2009). Kesemua elemen *mise-en-scene* ini dinilai sepanjang filem dokumentari sejarah ini bagi mengenalpasti sejauh mana asas penceritaan yang digunakan oleh pihak penerbitan untuk penyampaian mesej memenuhi etika penerbitan sebuah filem dokumentari sejarah berdasarkan pendekatan 'Aristotle's Golden Mean'. Seterusnya, perbincangan kumpulan fokus dijalankan ke atas sembilan orang mahasiswa/wi universiti pelbagai kaum yang mewakili kelompok remaja alaf ini.

3.0 PERBINCANGAN HASIL KAJIAN

3.1 Latar Filem Dokumentari

Latar filem dokumentari ini di sekitar kawasan perlombongan bijih timah di Lembah Kinta, Perak. Lokasi ini juga merupakan tempat pekerja membina pondok pertahanan dalam menghadapi serangan komunis. Keadaan pekerja lombong bertungkus lumus berusaha dan bekerjasama mendirikan pondok dapat dilihat dalam latar ini. Suasana para pekerja bertungkus lumus dan memerah keringat bekerja juga dizahirkan melalui latar suasana di kantin yang juga menjadi tempat untuk mereka berehat, merokok, berbual-bual selepas makan. Pelbagai fasiliti turut divisualkan termasuk sebuah dewan kecil juga digunakan

sebagai tempat mesyuarat untuk berbincang tentang usaha menghadapi cabaran komunis. Seorang pegawai memberi penerangan melalui gambar rajah, manakala peniaga dan pelombong tekun mendengar penerangan tersebut. Kilang peleburan bijih timah juga dirakamkan untuk melihat bagaimana bijih timah diproses menjadi ketulan bijih. Kawasan pelabuhan dan ketulan bijih timah dieksport ke luar negara dengan kapal besar. Sebuah padang juga digunakan sebagai tempat lapang untuk melatih pelombong dalam menangani serangan komunis. Hasil maklumat perbincangan kumpulan fokus daripada perempuan melayu A (PMa), perempuan melayu C (PMc), perempuan cina B (PCb) dan perempuan india (PI) adalah seperti berikut:

PMa: *“...Mempengaruhi. Sebab kita dah tahu yang komunis ni jahat. Kita dah set dalam minda kita, komunis ni jahat. Lepas tu, bila tengok video tu, dia nak rampas lombong tu, dia kejam, dia bunuh pekerja-pekerja lombong tu. Jadi, persepsi saya komunis ni memang jahat. Ya, ia sangat mempengaruhi saya...”*

PMc: *“...Bagi saya, saya setuju juga dengan pendapat mereka, benda tu macam memperkukuhkan lagi kepercayaan kita yang komunis tu jahat, dan bila kita tengok dokumentari tu, kita akan berfikir macam nilah situasi yang berlaku macam yang kita belajar tu. Baru kita dapat tahu, dan kita dah dapat gambaran dia secara jelas macam mana kekejaman komunis...”*

PCb: *“...Mempengaruhi. Bagi saya benda tu mengingatkanlah. Kita dah tahu dari kecil, jadi bila tengok dokumentari tu ia menjadikan ingatan saya tu kembali semula. Saya tahu komunis tu jahat, dan dokumentari ini membawa saya untuk mengingatkan kembali...”*

PI: *“...Tapi macam sayakan yang komunis tu pernah berlaku di Perak kan dan salah seorang iaitu Che Dat adalah orang kampong sebelah saya. Kira memang sampai sekarang ni, orang kampong memang tak boleh nak terima bila dia balik kampong kat sini kan. Dia memang yang saya tahu dia memang kejam masa dia memerintah, bunuh orang semua tu la. Kira memang diaorang tak ada yang baik, kira macam ada unsur-unsur kekejaman...”*

Dari sudut pendekatan yang diutarakan oleh ‘Aristotle’s Golden Mean’ memberi penumpuan kepada perkembangan membentuk minda khalayak remaja dalam proses interpretasi dan konstruksi makna kepada khalayak remaja. Pendekatan yang digunakan oleh penerbit dalam menghasilkan produksi dokumentari ini menekankan tentang wartawan/penerbit tidak boleh kelihatan lemah dan tidak berprinsip, tetapi haruslah berkompromi dengan hanya mengambil kedudukan yang sederhana dan tidak keterlaluan dalam menghasilkan berita ataupun penerbitan. Aristotle menekankan bahawa tiada jalan tengah wujud apabila berhadapan dengan kejahatan, seperti pembunuhan. Aristotle menasihatkan wartawan / penerbit untuk mendapatkan Golden Mean. Penghasilan penerbitan ini telah membentuk persamaan makna dalam interpretasi dan konstruksi khalayak remaja.

3.2 Plot dan Cerita

Filem dokumentari berdurasi lebih dua puluh minit ini dan mempunyai enam sekuen. Sekuen pertama merupakan pengenalan kepada kawasan Lembah Kinta, sementara sekuen kedua hingga sekuen kelima merupakan isi kandungan keseluruhan filem dokumentari ini dan sekuen keenam adalah merupakan kesimpulan keseluruhan dokumentari ini.

Sekuens pertama menceritakan latar belakang kawasan Lembah Kinta yang terletak di negeri Perak yang terletak di dalam Persekutuan Tanah Melayu. Pelombong bijih timah berusaha untuk kesinambungan punca pendapatan mereka. Penerbitan visual ini memusatkan kepada kepelbagaian cara untuk menghasilkan bijih timah sebagai sebuah perusahaan ekonomi. Perusahaan bijih timah di Lembah Kinta mengaut keuntungan yang besar dalam kepada peningkatan ekonomi negara. Sekuens kedua menunjukkan tentang rutin harian pekerja lombong yang sama berkhidmat untuk menghasilkan pengeluaran bijih timah. Mereka bersama-sama menjamu selera dan seterusnya berehat sambil berbual-bual bersama rakan. Sekuen ini menunjukkan tentang hubungan yang akrab antara setiap pekerja dalam mengharungi kehidupan mereka. Hasil maklumat perbincangan kumpulan fokus daripada lelaki kadazan (LKd), perempuan melayu C (PMc) dan perempuan cina A (PCa) adalah seperti berikut:

LKd: *“...Pernah juga, tapi saya tak ingat filem apakan, bagi saya komunis ni, dia datang Malaysia ni, dia bawa ideologi dia sendiri, dan macam dia datang sini dia nak memajukan jugak la. Kalau kita tengok komunis kat negara komunis kan rajin dan ikut kefahaman dia sendiri...”*

PMc: *“...Unsur kerjasama diaorang iaitu unsur bekerjasama untuk mencari pendapatan, sebab masa dulu nak kerja susahkan. Jadi kalau dapat kerja lombong tu, rasa macam dah hebat dah pada masa tu...”*

PCa: *“...Unsur dia nilai bersungguh-sungguh dalam mencari rezeki untuk menampung keluarga...”*

Sekuens ketiga menggambarkan tentang serangan daripada pihak komunis yang menyebabkan kemusnahan harta benda dan mengorbankan nyawa. Peralatan perlombongan bijih timah juga musnah akibat daripada serangan tersebut. Kehebatan pegawai British divisualkan pada peringkat ini dengan menggambarkan mereka membantu untuk menyelesaikan masalah ini. Pegawai British memberi penerangan tentang operasi yang akan dijalankan melalui gambar rajah dan peta. Pekerja lombong juga digambarkan amat memahami keadaan ini di samping memberi kerjasama kepada pegawai British. Hasil maklumat perbincangan kumpulan fokus daripada perempuan melayu B (PMb), perempuan melayu C (PMc), perempuan cina A (PCa) dan perempuan india (PI) adalah seperti berikut:

PMb: *“...Kita rasa macam kaum Melayu pada masa tu macam diperalatkan, rasa macam bodoh saja...”*

PMc: *“...Sedih saya tengok ada orang mati, dan usaha untuk lombong tu dimusnahkan oleh komunis...”*

PCa: *“...Saya ada dapat cerita daripada bapa saya yang komunis ni jahat la, menindas kaum perempuan...”*

PI: *“...Ya... memang... meremang darah-darah tu...”*

Sekuen keempat menggambarkan proses pekerja lombong untuk menentang serangan komunis. Persediaan dibina sebelum kontrak mula ditandatangani untuk proses menentang serangan komunis. Pegawai perubatan tempatan secara sukarela menawarkan perkhidmatan

perubatan memeriksa kesihatan penduduk di Lembah Kinta. Digambarkan juga, pelombong yang bergilir-gilir menjalankan tugas dalam rukun tertangga. Sikap saling membantu antara para pelombong juga digambarkan dalam sekuens ini. Pada masa yang sama, tindakan pihak British membuat hebahan untuk mengambil tentera sukarelawan bagi menentang keganasan pihak komunis. Hasil maklumat perbincangan kumpulan fokus daripada perempuan cina A (PCa), perempuan melayu B (PMb), perempuan melayu C (PMc) dan lelaki melayu (LM) adalah seperti berikut:

PCa: *“...Rasa marahpun ada dengan komunis, dengan British semua, dengan apa yang dibuat dengan orang Melayu memberi kesan pada kita...”*

PMb: *“...Kita rasa macam kaum Melayu pada masa tu macam diperalatkan, rasa macam bodoh saja...”*

PMc: *“...Sedih saya tengok ada orang mati, dan usaha untuk lombong tu dimusnahkan oleh komunis...”*

LM: *“...Boleh kata sebagai anak bangsakan, bila tengok bangsa kita diperlakukan begitu khususnya bangsa Melayu diperlakukan macam kuli batak, rasanya macam sedih la, sebab kita sedar masa tu kita ni mundur, tak membangun dan masyarakat masa tu pun baru nak mengenali dan belajar apa yang diaorang buat. Jadi, rasa sedih. Bila nak bandingkan rasa lega bila anak bangsa sendiri yang mentadbir negara ni, bukannya penjajah...”*

Seterusnya, sekuens kelima menunjukkan persediaan yang dijalankan oleh para pelombong dan pihak British dalam proses menentang ancaman komunis. Setiap aktiviti seperti para pelombong menaiki lori dan pihak British memeriksa pondok-pondok kawalan digambarkan secara terperinci. Kemudian, dokumentari ini juga memaparkan secara jelas bagaimana kerjasama yang seimbang antara setiap pelombong dan pihak British beanar-benar bersemangat untuk menentang ancaman komunis. Hasil maklumat perbincangan kumpulan fokus daripada perempuan cina A (PCa), lelaki kadazan (LKd) dan perempuan melayu A (PMa) adalah seperti berikut:

PCa: *“...Semangat perpaduan, diaorang mambantu tak kira kaum...”*

LKd: *“...Bagaimana pihak British merancang untuk membina pondok pengawal...”*

PMa: *“...Kesetiaan orang Melayu kepada negara, sanggup berjuang secara sukarela...”*

Akhir sekali, sekuens keenam memaparkan secara jelas kegembiraan para pelombong dan pihak British dalam kegembiraan dengan kejayaan mereka menghapuskan ancaman komunis. Sekuens ini juga menggambarkan bagaimana proses pengeksportan bijih timah kembali berjalan dengan lancar setelah Tanah Melayu kembali aman. Akhirnya, kedua-dua pihak iaitu para pelombong dan pihak British mendapat manfaat hasil daripada kejayaan tersebut. Hasil maklumat perbincangan kumpulan fokus daripada lelaki cina (LC) dan perempuan melayu C (PMc) adalah seperti berikut:

LC: *“...Gembira rasa bila tengok Lembah Kinta dapat kembali kepada asal dia...”*

PMc: *“...Kerajinan yang ditunjukkan oleh orang Cina dalam mencari rezeki dengan melombong bijih timah....”*

Dari sudut pendekatan etika, filem dokumentari ini mempunyai susunan cerita dan plot yang jelas dalam menggambarkan enam sekuens yang divisualkan oleh dokumentari tersebut. Penceritaan digariskan bermula daripada keadaan yang tenang di awal cerita kepada klimaks yang mencemaskan dan menyedihkan dan seterusnya kepada penutup yang menunjukkan kegembiraan dan motivasi. Plot cerita filem dokumentari ini dicorakkan melalui proses serangan penganas komunis hingga masalah berkenaan selesai oleh kerajaan British dengan kerjasama orang ramai. Rentetan daripada itu, pendekatan 'Aristotle's Golden Mean' tentang penerbitan haruslah berkompromi dengan hanya mengambil kedudukan yang sederhana dan tidak keterlaluan dalam menghasilkan berita ataupun penerbitan. Aristotle menekankan bahawa tiada jalan tengah wujud apabila berhadapan dengan kejahatan, seperti pembunuhan. Hasilnya, penerbitan dokumentari ini menghasilkan interpretasi dan konstruksi makna yang sama dalam kalangan khalayak remaja untuk menyatakan tentang kehebatan British dan kejahatan komunis.

3.3 Grafik

Terdapat tiga kemunculan grafik yang berbentuk ayat, iaitu sebelum permulaan sekuens pertama, sebelum permulaan sekuens kedua dan sebelum permulaan sekuens keenam. Grafik pertama berkaitan memperkenalkan *Malayan Film Unit* (MFU) yang merupakan unit penerbitan di Malaya yang memberi kesedaran kepada rakyat untuk menghadapi ancaman komunis. Grafik kedua pula memberitahu perbuatan penganas komunis memburukkan keadaan yang aman. Tindakan keganasan di lombong bijih timah telah menakutkan penduduk.

Manakala grafik ketiga pula memberitahu selepas kejayaan strategi kerajaan menghadapi ancaman komunis, pengeluaran bijih timah telah meningkat. Penduduk tidak lagi hidup dalam ketakutan, mereka hidup aman damai. Selain itu, terdapat grafik dalam bentuk peta dan gambar rajah. Peta yang ditunjukkan adalah kawasan yang diserang oleh penganas komunis serta strategi yang digunakan untuk menentang komunis. Gambar rajah pula menunjukkan rancangan yang dicadangkan oleh kerajaan British untuk melindungi penduduk daripada diserang oleh penganas komunis.

Grafik yang ditunjukkan dalam filem dokumentari ini adalah mudah difahami sama ada dalam bentuk peta atau gambar rajah. Pernyataan grafik tersebut memberi informasi tambahan yang bermakna iaitu menunjukkan cara yang dirancang oleh kerajaan British untuk membanteras ancaman komunis. Dengan peralatan yang ada pada masa itu, terdapat satu peta yang mempunyai anak panah yang bergerak untuk menunjukkan proses rancangan kerajaan. Susunan sebegini menunjukkan satu kejayaan kepada teknik penyuntingan pada masa itu. Hasil maklumat perbincangan kumpulan fokus daripada lelaki melayu (LMA) dan perempuan melayu A (PMA) adalah seperti berikut:

LMA: "...British tu cuma nak tolong untuk hapuskan komunis..."

PMA: "...Penjajahan British, saya rasa ada baiknya, sebab baiknya sekurang-kurangnya dia yang tolong kita untuk dapatkan kemerdekaan ..."

Hasilnya, penerbitan ini merangkumi pendekatan Aristotle yang menekankan tentang kepentingan pertimbangan sendiri; untuk mengawal tahap yang melampau dalam diri sendiri, kemudian bersandar kepada pelbagai cara lain dalam laporan untuk memastikan sesuatu cerita dapat mewakili semua pandangan; tidak kurang juga seorang individu adalah

bertanggungjawab untuk mengambil tindakan yang paling baik melalui pilihan yang bebas. Persembahan grafik ini telah menghasilkan interpretasi dan konstruk makna yang sealiran dengan kehendak penerbit tentang kehebatan British dan keganasan komunis.

3.4 Setting

Peralatan melombong dan memproses tanah bijih timah ditonjolkan dalam filem dokumentari ini sebagai subjek utama. Tidak kurang juga, peralatan lain yang ditonjolkan seperti peralatan makan yang digunakan oleh pekerja. Selain daripada itu, senapang juga ditunjukkan di dalam penerbitan filem dokumentari ini. Tukul, paku, gergaji dan papan juga ditunjukkan sebagai alat bagi penduduk mendirikan pondok pengawal. Alat mengangkut barang juga diperlukan untuk mengangkut pasir ke tempat pembinaan rumah. Model pondok pengawal ditunjukkan dalam filem dokumentari ini sebagai bahan yang digunakan oleh pegawai British untuk menerangkan cara-cara membina pondok pengawal serta langkah yang perlu diambil bagi menghadapi ancaman komunis.

Seterusnya, sebuah telefon digunakan untuk menghubungi doktor yang telah diberi arahan daripada pihak British untuk memeriksa kesihatan semua penduduk. Doktor juga menggunakan stetoskop untuk memeriksa keadaan kesihatan setiap penduduk. Beberapa buah trak polis turut digunakan untuk membawa penduduk yang telah dilatih sebagai askar menentang ancaman komunis. Trak polis juga digunakan untuk meronda di kawasan kampung supaya penduduk kampung bebas daripada kekacauan penganas komunis. Hasil maklumat perbincangan kumpulan fokus daripada perempuan india (PI), perempuan melayu B (PMB) dan perempuan melayu A (PMA) adalah seperti berikut:

PI: *“...Pada saya British ni lagi baik daripada komunis, sebab komunis ni nampak sangat kejamnya. Macam British ni ada juga dia menerapkan untuk membantu orang-orang di sini dengan persembahan teknologi...”*

PMB: *“...Pandai dia, mungkin sebab teknologi dia maju lebih cepat daripada orang lain. Jadi dia sentiasa nampak ke hadapan jika dibandingkan dengan orang lain...”*

PMA: *“...Berjaya. Kerana sejarah telah buktikan British berjaya menjajah merata-rata, dan dia sentiasa nampak hebat ...”*

Berdasarkan pendekatan ‘Aristotle’s Golden Mean’ menekankan bahawa kebaikan moral adalah tidak keterlaluan dalam membuat sesuatu; iaitu menurut dalam setiap perkara dengan kesederhanaan dan kesabaran. Tetapi wartawan/penerbit tidak boleh kelihatan lemah dan tidak berprinsip, tetapi haruslah berkompromi dengan hanya mengambil kedudukan yang sederhana dan tidak keterlaluan dalam menghasilkan berita ataupun penerbitan. Antara lain, Aristotle juga menekankan tentang kepentingan pertimbangan sendiri; untuk mengawal tahap yang melampau dalam diri sendiri, kemudian bersandar kepada pelbagai cara lain dalam laporan untuk memastikan sesuatu cerita dapat mewakili semua pandangan; tidak kurang juga seorang individu adalah bertanggungjawab untuk mengambil tindakan yang paling baik melalui pilihan yang bebas. Sementara, dalam menjalankan tugas, *‘the end does not always justify the means’*. Penyampaian setting ini mewujudkan persefahaman bersama khalayak remaja dalam membuat interpretasi dan konstruksi makna untuk mengiktiraf kehebatan British dan keganasan komunis.

3.5 Busana dan Solekan

Filem dokumentari ini, memaparkan pelombong bijih timah yang terdiri daripada lelaki dan wanita. Pelombong lelaki memakai baju lengan panjang dengan sehelai baju kemeja di dalam dan seluar panjang. Semua pelombong bijih timah memakai topi dengan pelbagai bentuk dan saiz yang diperbuat daripada kain dan jerami. Ada di antara mereka yang mempunyai sehelai tuala kecil melilit leher untuk mengelap peluh dan berlindung daripada panas terik matahari. Sementara, pelombong wanita pula memakai baju berlengan panjang dan seluar panjang yang berwarna gelap, tetapi tidak memakai topi, sebaliknya mengikat sehelai kain besar di atas kepala mereka dan menutup keseluruhan rambut wanita tersebut. Pegawai British dan askar pula memakai pakaian seragam dan senapang di tepi pinggang. Ada antara mereka yang memakai topi askar untuk mewakili pihak berkuasa. Solekan di dalam filem ini sukar untuk dikesan disebabkan oleh filem dokumentari pada masa berkenaan adalah di dalam format hitam dan putih. Hasil maklumat perbincangan kumpulan fokus daripada perempuan melayu C (PMc), lelaki india (LI), perempuan cina A (PCa) dan perempuan cina B (PCb) adalah seperti berikut:

PMc: *“...Unsur kerjasama diaorang iaitu unsur bekerjasama untuk mencari pendapatan, sebab masa dulu nak kerja susahkan. Jadi kalau dapat kerja lombong tu, rasa macam dah hebat dah pada masa tu...”*

LI: *“Semangat perpaduan, diaorang mambantu tak kira kaum...”*

PCa: *“...Unsur dia nilai bersungguh-sungguh dalam mencari rezeki untuk menampung keluarga...”*

PCb: *“...Kerajinan orang Cina dan ketaatan orang Melayu pada Tanah Melayu...”*

Pendekatan ‘Aristotle’s Golden Mean’ yang menekankan bahawa kebaikan moral adalah tidak keterlaluan dalam membuat sesuatu adalah sealiran dengan konsep busana dan solekan yang dipaparkan dalam persembahan dokumentari ini. Pemaparan yang ditunjukkan dalam penerbitan dokumentari ini mewujudkan persefahaman bersama khalayak remaja untuk mengakui tentang kehebatan British dan keganasan komunis.

4.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, hasil penulisan ini telah memberikan satu gambaran tentang isi kandungan filem dokumentari sejarah ‘*The Kinta Story (1949)*’ dari segi naratif dan teknik penerbitan yang digunakan oleh penerbit filem ini ke atas interpretasi khalayak remaja. Hasil yang diperoleh dari segi teknik naratif adalah melalui latar filem, plot dan cerita filem, grafik dalam filem, *setting* dalam filem serta busana dan solekan. Teknik naratif dan penerbitan yang digunakan dalam filem dokumentari ini telah berjaya membawa pendekatan ‘Aristotle’s Golden Mean’ dalam membawa persamaan interpretasi dan konstruksi makna yang sama dalam kalangan khalayak remaja.

Penilaian naratif dan penerbitan filem dokumentari ini telah memberikan banyak mesej kepada khalayaknya. Khalayak remaja alaf ini dapat mengetahui bahaya ancaman komunis serta usaha dan kerjasama yang dilakukan antara kerajaan dengan rakyat amat diperlukan dalam sesebuah masyarakat untuk menjayakan rancangan yang direncanakan oleh pihak kerajaan. Hal ini bermakna filem dokumentari ini juga cuba membawa satu mesej penting berkenaan nilai kerjasama dan betapa pentingnya keamanan kepada masyarakat

untuk terus hidup dalam keadaan yang damai. Dalam pada yang sama juga, secara tidak langsung, Filem Negara Malaysia (FNM) juga dilihat sebagai sebuah organisasi atau badan yang menjadi agen dalam berusaha untuk menyedarkan masyarakat pada masa itu mengenai bahaya pengganas komunis seiring dengan penekanan yang ditekankan oleh konsep 'Aristotle's Golden Mean'.

RUJUKAN

- Blumenberg, R. M. (1975). *Critical focus - an introduction to film*. Belmont, California: Wadsworth Publishing Company, Inc.
- Bordwell, D. & Thompson, K. (1997). *Film art: an introduction (5th edt.)*. New York: McGraw Hill.
- Conrad, C.F (1995). *Media ethics*. Old Tappen, New Jersey: Allyn and Bacon.
- Fludernik, M. (2009). *An introduction to narratology*. New York. Roudledge.
- Grodal, T. 1994. Visual communication as text signs and as embodied mental processes. *Nordic Visual Communication Conference*, Oslo.
- Machin, D. 2004. Building the world's visual language: The increasing global importance of image banks in corporate media. *Visual Communication* 3: 316–360.
- McQuail, Denis (2005). *Mass communication theory (5th edt.)*. London: Sage Publications.
- Mohd. Nor Shahizan Ali, Ali Salman, Novel Lyndon, Mat Pauzi Abd. Rahman & Yuszaidy Mohd. Yusoff. 2013. Archive Footage and the Image of Historical Documentary. *Asian Social Science*, Vol. 9, No. 8: 116-122.
- Mus Chairil Samani, (2006). Visual images in advertisements: An alternative language. *Jurnal Komunikasi* 22: 11 – 19.
- Newcomb, H.M. 1991. The search for media meaning. *Communication Yearbook* 14: 40-47.
- Normah Mustaffa, Faridah Ibrahim & Mus Chairil Samani. 2009. The effect of pictures on the order of accessing online war stories. *Jurnal Komunikasi* 25: 13-20.
- Potter, W. James (2011). *Media literacy (5th edt.)*. London: SAGE Pulications Ltd.
- The Kinta Story*. 1949. Documentary film. Kuala Lumpur: Malay Film Unit (Filem Negara Malaysia).
- Zettl, H. (2005). *Sight sound motion: Applied media aesthetics (5th edt.)*. Belmont, CA: Wadsworth.

Mohd. Nor Shahizan Ali, Mohd. Azul Mohammad Salleh , Mat Pauzi Abd Rahman
Pusat Pengajian Media dan Komunikasi,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
¹*shahizan@ukm.my / mnshahizan@yahoo.com / 012 362 4477*

Mus Chairil Samani
Jabatan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial,
Universiti Malaysia Sarawak,
Sarawak

Zairul Anuar Md. Dawam
Sekolah Pengajian Seni,
Universiti Malaysia Sabah,
Kota Kinabalu, Sabah